



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 (22)
Tarikh : 27 Januari 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H. Dato`/Tuan,

MAKLUMAN SALINAN KELULUSAN PERMOHONAN PINDAH PANGKALAN DAN PERTUKARAN ZON VESEL DARI ZON B KE ZON C KEPADA LKIM NEGERI OLEH PPN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan telah mengambil keputusan agar semua kelulusan permohonan perpindahan pangkalan dan pertukaran zon vesel penangkapan ikan dari Zon B ke Zon C hendaklah disalinkan satu (1) salinan kepada Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) Negeri di mana vesel berkenaan berpangkalan kerana ianya melibatkan pemberian minyak subsidi kepada vesel-vesel terlibat di negeri-negeri berkaitan.
3. Perkara ini hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya oleh semua PPN bagi membantu LKIM Negeri dalam menangani isu kuota bekalan minyak subsidi bagi vesel penangkapan ikan yang sering dibangkitkan dalam media massa dan akhbar-akhbar tempatan.
4. Selaras dengan itu, Y.H. Dato`/Tuan diminta untuk mengambil maklum dan tindakan selanjutnya ke atas arahan ini yang berkuat-kuasa **SERTA MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama dan tindakan dari pihak Y.H. Dato`/Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(HJ. JOHARI BIN RAMLI)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
b.p Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Ibu Pejabat Perikanan
PUTRAJAYA

s.k

YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan